

0279

U B248 BAH
TAN - NAFI
(1)

KUALA LUMPUR, 5 DIS. (BERNAMA) -- PRESIDEN MCA, ENCIK TAN KOON SWAN HARI INI MENAFIKAN KONONNYA BELIAU TELAH MENCADANGKAN KEPADA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BARISAN CALON MCA UNTUK JAWATAN KABINET.

BELIAU MENYIFATKAN LAPORAN SEBUAH AKHBAR JUMAAT LALU YANG MENYATAKAN BELIAU BERBUAT DEMIKIAN KETIKA MENGADAKAN PERTEMUAN PERTAMA DENGAN PERDANA MENTERI SEJAK MENJADI PRESIDEN PARTI ITU SEBAGAI +SPERULASI.+

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA BAHAWA BELIAU HANYA MENGADAKAN PERBINCANGAN AWAL MENGENAI PERKARA ITU DAN TIDAK MEMBUAT APA-APA KEPUTUSAN.

MENURUTNYA, APA-APA PERBINCANGAN LANJUT DENGAN PERDANA MENTERI DAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL YANG LAIN AKAN DIADAKAN PADA MASA YANG SESUAI.

LAPORAN AKHBAR HARI INI YANG MEMETIK SUMBER TANPA NAMA, MENYEBUT BARISAN ITU YANG DIKATAKAN CADANGAN WAKIL MCA DALAM KERAJAAN.

MENURUTNYA, ENCIK TAN TIDAK AKAN MENYERTAI KABINET BUAT MASA INI UNTUK MENUMPUKAN PERHATIAN MENYATUKAN DAN MENGUKUHKAN PARTI ITU BAGI MENGHADAPI PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG. -- BERNAMA.

2023MST 05 12 85